

20 JAN 2003

IKS-GABUNG/I

IKS TEMPATAN PERLU BERGABUNG UNTUK LEBIH BERSAING DI PASARAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Industri kecil dan sederhana (IKS) perlu bergabung dan bersatu untuk bersaing dengan lebih baik di peringkat global daripada menyaingi di pasaran yang agak kecil di Malaysia, kata presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), Datuk Mustafa Mansur hari ini.

Bercakap pada sesi "Pertemuan dengan Jurubank" yang dianjurkan secara bersama oleh FMM dan Affin Merchant Bank Bhd di sini, beliau berkata IKS perlu mengamalkan strategi penggabungan industri perbankan dan menjadi kukuh dalam usaha mendapat akses ke pasaran Asia dan dunia.

Mustafa berkata IKS tidak boleh mengharapkan kerajaan menunjukkan caranya sepanjang masa.

"Mereka perlu bergabung. FMM bersedia untuk memadankan (IKS) dalam negara dan dari luar negara untuk tujuan penggabungan," katanya.

Beliau berkata IKS terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman merupakan perniagaan yang sesuai untuk digabungkan.

Majoriti IKS yang menguasai kira-kira 88 peratus daripada industri pembuatan di Malaysia, bertumpu dalam sektor tradisional makanan dan minuman, produk logam yang diperbuat, produk kayu dan kayu serta logam asas.

"Untuk kekal bersaing daripada (bahagian lain) Asia, kita perlu mengukuhkan IKS kita," kata Mustafa.

Ketua FMM itu juga menyentuh mengenai aduan daripada IKS bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan disebabkan daripada kurangnya keyakinan pihak institusi berkenaan mengenai kemampuan mereka untuk membayar balik.

"Kita tidak boleh menekan pihak bank tetapi kita menyeru bank-bank supaya membantu IKS yang memang memerlukan pembiayaan. Tetapi IKS tidak perlu bergantung kepada bank komersil sahaja memandangkan terdapat sumber dana yang lain," katanya.

Affin Merchant menawarkan nasihat kewangan kepada IKS mengenai bagaimana untuk merancang dan mewujudkan perniagaan selepas saranan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada bank tempatan untuk lebih bersimpati terhadap IKS.

Presiden dan ketua eksekutif Affin Merchant, Datin Zuraidah Atan, berkata perniagaan Affin Merchant banyak terdiri daripada perniagaan berasaskan kerajaan dan IKS.

Beliau berkata IKS, teras industri pembuatan Malaysia merupakan bahagian asas pertumbuhan ekonomi negara. -- BERNAMA

PK/WNA SHY NHD